

Mahathir: Genap 100 hari

MUNGKIN tidak ramal di antara kita yang menyedari bahawa hari Menteri Kewangan, Tengku Razaleigh Hamzah, membenarkan belanjawan Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang pertama Jumaat lalu ialah juga hari pentadbiran beliau genap 100 hari usianya.

Walaupun tempoh ini mungkin terlalu singkat untuk suatu penilaian yang menyeluruh — Dr. Mahathir sendiri meminta sekurang-kurangnya setahun sebelum sebarang ukuran dibuat ke atas prestasi Kerajaan beliau — namun demikian sedikit sebanyak falsafah, gaya dan kesan pimpinannya sudah pun mulai kelihatan.

Sudah dapat dilihat bahawa menghasilkan sebuah kerajaan yang cekap, bersih dan berkesan bukanlah cogan semata-mata: pentadbiran Dr. Mahathir menganggap ini sebagai matlamat-matlamat operasi yang konkrit dan yang perlu dicapai.

Satu perkara yang tidak juga kurang menarik perhatian kita ialah hakikat bahawa orientasi dan perlakuan Kerajaan dari ahli-ahli Kabinet dan pegawai-pegawai kanan hinggalah kepada kakitangan amnya bukan sahaja dipandu dengan arahan-arahan pentadbiran yang jelas dan tegas malah sikap dan tindakan Perdana Menteri dan Timbalannya juga secara langsung turut menjadi contoh dan landasan yang nyata.

Jika ketangkasan kadar Dr. Mahathir menyusun dan menggerakkan Kerajaan beliau dalam tiga bulan ini boleh dijadikan suatu petunjuk maka dapatlah kita jangka bahawa kemungkinan pimpinan beliau menghasilkan kejayaan yang cemerlang dalam melaksanakan dasar pembangunan sosial dan ekonomi negara adalah baik.

Hanya dua hari sesudah menjadi Perdana Menteri beliau telah berjaya membentuk Kabinet barunya. Lima hari kemudian beliau, sewaktu mempengerusikan mesyuarat Kabinetnya yang pertama, di samping menetapkan matlamat dan dasar Kerajaan, beliau juga telah menggerakkan semula dua agensi penting — Majlis Tindakan Negara dan Majlis Ekonomi Negara.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk memodenkan sistem pentadbiran dan meningkatkan lagi prestasi Kerajaan termasuk penggunaan sistem pencatit waktu kerja itu juga telah mula menampakkan kesan. Bukan sahaja kakitangan Kerajaan hari ini lebih menepati waktu mereka juga lebih sedarkan nilainya.

Dua langkah lagi — penyusunan semula Biro Siasatan Negara dan arahan memerlukan semua menteri-menteri dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan membuat kenyataan rasmi tentang harta mereka — jika dikuatkuasakan dengan teliti pasti akan membantu membersihkan Kerajaan dari ancaman rasuah dan berbagai penyelewengan lain.

Di bidang ekonomi pula, penutupan beberapa anak syarikat awam dan pengambilalihan Syarikat Guthrie oleh PNB mencadangkan, tanpa berselindung, bahawa dalam menjayakan matlamat DEB Kerajaan akan berbuat apa sahaja yang perlu untuk meningkatkan pembangunan negara.

Tetapi jika banyak yang telah dibuat, banyak pula cabaran yang masih menunggu. Krisis pimpinan UMNO di Johor dan di Pahang masih belum selesai. Masalah kekurangan dagangan yang dialami negara sekarang mempunyai implikasi yang luas dan perlu dibendung dan dilatasi segera. Sementara cabaran yang paling besar ialah meneruskan pembangunan dan mengekalkan kestabilan negara.

Bagaimanapun, menjayakan semua ini tidaklah boleh dipertanggungjawabkan ke bahu Perdana Menteri dan Kerajaan sahaja. Seluruh rakyat perlu memainkan peranan dan memberikan sokongan yang sewajarnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia